

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Isnin, 15 Mac 2021 6:57 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kunjungan Hormat Pensyarah UUM Ke Pejabat Presiden Shibaura Institute Of Technology, Jepun



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

15 MAC 2021 / 1 SYAABAN 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Dr. Mohamad Sabri Sinal

KUNJUNGAN HORMAT PENSYARAH UUM KE PEJABAT PRESIDEN SHIBAURA INSTITUTE OF TECHNOLOGY, JEPUN



Presiden Shibaura Institute of Technology, Prof. Dr. Masato Murakami, (kanan), Pensyarah Pusat Pengajian Pengkomputeran, UUM, Dr. Mohamad Sabri Sinal (tengah) dan Naib Presiden Shibaura Institute of Technology, Prof. Dr. Eiji Kamioka (kiri).

UUM ONLINE: Pensyarah dari Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC), Dr. Mohamad Sabri Sinal telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden Shibaura Institute of Technology (SIT), Prof. Dr. Masato Murakami, baru-baru ini.

Dr. Mohamad Sabri yang mewakili Naib Canselor mengadakan pertemuan tersebut bagi menyampaikan cenderamata penghargaan kepada Prof. Dr. Masato yang akan bersara wajib pada penghujung Mac ini.

Beliau yang telah menjawat jawatan Presiden Shibaura of Technology untuk tempoh 7 tahun telah berjaya membuka lembaran baru buat SIT dengan memperkenalkan dasar-dasar pendidikan yang lebih terbuka kepada universiti luar sehingga membawa SIT tersenarai dalam ranking dunia.

Dr. Mohamad Sabri selaku wakil dari UUM telah menyampaikan penghargaan kepada di atas segala usaha beliau ke arah mengerakkan kerjasama universiti di peringkat antarabangsa sehingga pelbagai program dan kerjasama secara langsung dan tidak langsung khususnya diantara UUM dan SIT berjaya dilaksanakan.

“Saya berharap dengan lawatan ini, hubungan yang lebih erat dan utuh di antara UUM dan SIT akan terus tersemat dan jitu untuk kebaikan generasi yang mendatang,” katanya.

Prof. Dr. Masato juga merupakan antara individu yang telah meluluskan dan menawarkan biasiswa istimewa kepada Dr. Mohamad Sabri untuk melanjutkan pengajian ke peringkat PhD secara sepenuh masa tanpa sebarang ikatan.

Turut serta dalam lawatan itu ialah Naib Presiden SIT, Prof. Dr. Eiji Kamioka.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.